

UMS didik masyarakat ke arah kelestarian alam sekitar

DE 14. 11. 14 7

KOTA KINABALU: Inisiatif Pusat Pengurusan EcoCampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) tidak terhad kepada program melibatkan pembangunan mapan kampus universiti, tetapi turut menekankan aspek pendidikan terhadap amalan kelestarian alam sekitar kepada masyarakat awam.

Justeru, Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Sabah (HPPNS) 2014 baru-baru ini turut menjadi medan pusat itu dalam mendidik masyarakat berhubung pemeliharaan alam sekitar.

'EcoCampus Rangers' iaitu kumpulan sukarelawan terdiri 40 ahli misalnya, bertindak memantau pengurusan sisa organik dan bukan organik di sekitar kawasan UMS Kampus Cawangan Sandakan melalui kerjasama dengan Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) bagi mengurangkan lambakan sampah sarap sepanjang program itu.

Kumpulan sukarelawan ini

mengutip bahan-bahan yang boleh dikitar semula seperti tin minuman, botol plastik dan botol kaca di setiap gerai, selain mengutip sisa organik yang kemudiannya dihantar ke tapak kompos Fakulti Pertanian Lestari untuk dijadikan baja.

Penduduk yang hadir pada program itu turut berpeluang mendalamai amalan berkonsepkan lestari dalam menguruskan sumber seperti air dan elektrik melalui perkongsian ilmu oleh ahli-ahli EcoCampus Rangers, selain mengetahui tentang pembuatan kompos dengan sisa makanan yang mudah dan murah.

Pengarah Pihak Pengurusan EcoCampus, Dr Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul turut memuji inisiatif kumpulan sukarelawan terhadap aktiviti penjagaan dan pendidikan alam sekitar kepada orang awam, dan berharap agar inisiatif sebegini berterusan dalam program akan datang melibatkan pengurusan sisa.